

AGENDA 13

Membentang Dan Menimbangkan:

- (a) Aturan Pengeluaran Modal Syer; Dan
- (b) Aturan Khairat Kematian (Pindaan)

MAPT KE-44

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan mewujudkan Aturan Pengeluaran Modal Syer.

LATAR BELAKANG

2. Bagi tempoh 2015 hingga 2024, jumlah permohonan pengeluaran modal syer oleh anggota adalah sebanyak RM1340.0 juta dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,010.0 juta telahpun diproses dan dibayar. Baki sebanyak RM330.0 juta diproses dan dibayar secara berperingkat mengikut kecukupan tunai semasa.

3. Berdasarkan amalan semenjak penubuhan KPF, pengeluaran modal syer yang melebihi nilai minima syer anggota (RM100 bagi anggota individu; dan RM5,000 bagi anggota koperasi) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas tempoh matang dua belas (12) bulan. Amalan untuk membenarkan pengeluaran syer oleh KPF tersebut tidak mengikut peruntukkan yang terkandung dalam Undang-undang Kecil (UUK) 59 dan UUK 60 seperti berikut:

(a) UUK 59:

- (1) *Seseorang atau sesuatu anggota boleh memindahkan syernya yang melebihi sumbangan minimum menurut fasal (1) UUK 56 kepada anggota lain dengan menandatangani borang pemindahan syer. Borang pemindahan syer bagi sesuatu anggota hendaklah ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha dan seorang anggota Lembaga atau pegawai yang diberi kuasa oleh mesyuarat Lembaga;*
- (2) *Pindahan syer tersebut hanya akan berkuatkuasa setelah didaftarkan oleh koperasi;*
- (3) *Syer seseorang anggota yang mati boleh dipindahkan kepada penama. Bagi anggota Muslim, pemindahan tersebut hendaklah menurut fasal (1) Undang-undang Kecil 18; dan*
- (4) *Pemindahan syer tersebut bagi seseorang anggota hendaklah dibuat dalam tempoh enam bulan selepas kematian anggota itu.*

(b) UUK 60:

- (1) *Jika pemindahan syer tidak dapat dibuat menurut UUK 59, bagi seseorang anggota atau sesuatu koperasi yang tamat keanggotaannya oleh apa-apa sebab jua pun, maka syernya yang diperihalkan di dalam UUK itu boleh dikeluarkan tertakluk kepada fasal (2);*
- (2) *Syer boleh ditebus dari Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) dan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) tertakluk kepada Peraturan. Nilai tebusan syer ini hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam akaun teraudit terakhir bagi koperasi akan tetapi tidak boleh melebihi nilai asalnya; dan*
- (3) *Syer yang ditebus menurut fasal (2) boleh jika diluluskan oleh mesyuarat agung perwakilan, diterbitkan semula sebagai syer bonus.*

4. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengeluarkan teguran kepada KPF berkaitan proses pengeluaran syer yang tidak mematuhi UUK, tiada aturan khas pengeluaran syer dan tidak mengadaptasi UUK Seragam yang diwartakan SKM pada tahun 2022.
5. Pengeluaran syer yang tinggi dan tidak terkawal ini telah memberi kesan yang besar kepada kelangsungan operasi dan kewangan KPF seperti berikut:
 - (a) aset-aset pelaburan terpaksa dilupuskan atau dicairkan bagi memenuhi tuntutan pengeluaran syer tersebut menyebabkan tunai atau modal tidak dapat diulangjana untuk aktiviti pelaburan dan perniagaan;
 - (b) aktiviti pelaburan dan perniagaan terganggu (dana di bawah pengurusan atau *asset under management* menguncup daripada RM5,330.0 juta pada tahun 2015 kepada tahun semasa RM3,906.0 juta); dan
 - (c) impak kepada penurunan kadar dividen tahunan.

ULASAN LEMBAGA

6. Lembaga pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-42 (MAPT Ke-42) pada 22 Jun 2023 telah membawa usul untuk mewujudkan Aturan Pengeluaran Syer. Walau bagaimanapun, usul tersebut tidak mendapat persetujuan perwakilan.
7. Objektif kepada cadangan mewujudkan Aturan Pengeluaran Syer ini adalah untuk menyeimbangkan langganan dan pengeluaran syer anggota, pengurusan tunai yang efisien, strategi pendapatan mampan jangka panjang, dan untuk menyelenggara dana Kumpulan Wang Penebusan Syer (KWPS) dan Kumpulan Wang Rezab Statutori (KWRS).
8. Usul berkaitan cadangan Aturan Pengeluaran Syer ini juga telah dibentangkan kepada anggota-anggota dalam Mesyuarat Agung Kawasan 2025 (MAK 2025) di 43 kawasan bermula 7 Januari hingga 26 Februari 2025.

SYOR

9. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengesyorkan Aturan Pengeluaran Syer diwujudkan dengan terma dan syarat seperti berikut:
 - (a) pengeluaran syer anggota adalah tidak melebihi enam (6) kali sepanjang tempoh keanggotaan;
 - (b) pengeluaran syer hanya boleh dibuat satu (1) kali pengeluaran dalam tempoh satu (1) tahun;
 - (c) jumlah dan tempoh pengeluaran syer adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan ketersediaan tunai; dan
 - (d) syer boleh dikeluarkan hanya dari dana KWPS dan KWRS tertakluk kepada peraturan. Nilai pengeluaran syer hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam penyata kewangan (teraudit) terkini.
10. Aturan Pengeluaran Syer ini dikuatkuasakan setelah mendapat kelulusan SKM. Maklumat aturan adalah seperti di **Lampiran 1**.
11. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

ATURAN PENGELUARAN MODAL SYER

TAJUK

1. Aturan ini hendaklah dinamakan Aturan Pengeluaran Modal Syer Anggota.
2. Aturan ini diwujudkan di bawah fasal (3) Undang-undang Kecil (UUK) 9, perenggan (x) fasal (2) UUK 46 dan UUK 86, dikuatkuasakan tertakluk kepada persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

TAFSIRAN

3. Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“Anggota” termasuklah-

- (a) seseorang yang turut sama dalam permohonan pendaftaran koperasi ini dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan koperasi dan seseorang individu yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan dan UUK ini selepas pendaftaran; dan
- (b) sesuatu koperasi asas atau koperasi menengah yang turut sama dalam permohonan pendaftaran koperasi ini dan sesuatu koperasi asas atau koperasi menengah yang diterima menjadi anggota mengikut Peraturan 7 dan UUK ini selepas pendaftaran, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

“Aturan” ertinya Aturan Penebusan Modal Syer Anggota.

“Kumpulan Wang Penebusan Syer” ertinya satu kumpulan wang yang diwujudkan bagi membolehkan koperasi menebus syer anggota yang dikeluarkan menurut fasal (2) UUK 60 koperasi ini.

“Kumpulan Wang Rizab Statutori” ertinya kumpulan wang yang diwujudkan daripada keuntungan bersih koperasi menurut UUK 62 koperasi ini.

“Syer” ertinya bahagian dalam modal syer koperasi ini yang disumbangkan oleh seseorang atau sesuatu anggota berkenaan dengan keanggotaannya dalam koperasi ini, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

“Undang-undang Kecil” ertinya Undang-undang Kecil atau UUK berdaftar yang dibuat oleh koperasi ini pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta Koperasi 1993 dan termasuklah sesuatu pindaan berdaftar UUK, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta Koperasi 1993.

TUJUAN

4. Aturan ini diwujudkan untuk pengeluaran sebahagian modal syer anggota koperasi.

SYARAT PENGELUARAN SYER

5. Penebusan syer adalah untuk tujuan berikut:

- (a) pengeluaran syer anggota adalah tidak melebihi enam (6) kali sepanjang tempoh keanggotaan;
- (b) pengeluaran syer hanya boleh dibuat satu (1) kali pengeluaran dalam tempoh satu (1) tahun;
- (c) jumlah dan tempoh pengeluaran syer adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga dan ketersediaan tunai; dan
- (d) syer boleh dikeluarkan hanya dari dana KWPS dan KWRS tertakluk kepada peraturan. Nilai pengeluaran syer hendaklah mengikut sebagaimana yang ditunjukkan dalam penyata kewangan (teraudit) terkini.

CARA PENGELUARAN SYER

6. Anggota boleh membuat permohonan pengeluaran syer kepada koperasi dengan menggunakan borang pengeluaran syer yang disediakan tertakluk kepada terma dan syarat.

PERTIKAIAN

7. Sebarang perselisihan tentang tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka ianya hendaklah dirujuk kepada SKM mengikut UUK 82.

TUJUAN

Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan berkaitan cadangan pindaan Aturan Khairat Kematian.

LATAR BELAKANG

2. Aturan Khairat Kematian yang diguna pakai ketika ini adalah aturan yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-21 (MAPT Ke-21) pada 21 Jun 2009.

3. Kelayakan anggota atau waris untuk penerimaan bantuan khairat kematian adalah seperti berikut:

- (a) setiap anggota perseorangan telah menjelaskan modal syer minimum maka keluarga anggota (isteri/suami/anak yang masih dalam tanggungan berumur di bawah 23 tahun) layak menerima bantuan khairat kematian yang disediakan oleh KPF;
- (b) sekiranya kedua-dua suami atau isteri merupakan anggota KPF, hanya seorang sahaja yang layak membuat tuntutan bantuan urusan pengkebumian anak mereka;
- (c) kadar bantuan khairat kematian adalah seperti berikut:

Bil	Kematian	Jumlah (RM)
1	Anggota	1,000.00
2	Isteri/Suami	500.00
3	Anak	250.00

(d) bayaran bantuan khairat kematian akan dibuat kepada waris terdekat seperti berikut:

- (i) jika bujang - kepada ibu atau bapa;
- (ii) jika berkahwin - kepada isteri atau suami;
- (iii) jika duda - kepada salah seorang anak yang telah berumur 18 tahun ke atas. Jika tiada mempunyai anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan;
- (iv) jika balu - kepada salah seorang anak yang telah berusia 18 tahun ke atas. Jika tiada mempunyai anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan; dan
- (v) jika seseorang anggota itu tiada mempunyai keluarga seperti yang tersebut di atas, layak menerimanya yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan.

PERBANDINGAN KHAIRAT KEMATIAN KOPERASI/ENTITI LAIN

4. Perbandingan sumbangan bantuan khairat kematian koperasi/entiti lain adalah seperti berikut:

Bil	Kematian	Jumlah (RM)	Kematian		
			Anggota (RM)	Isteri/ suami (RM)	Anak (RM)
1.	KPF	100.00	1,000.00	500.00	250.00
2.	KGFB	3,000.00	1,000.00	500.00	300.00
3.	FELKOP	100.00	2,000.00	500.00	250.00
4.	Kop. Sahabat	1,000.00	500.00	-	-
5.	Kop. Tentera	1,000.00	Takaful	-	-
6.	Tabung Haji	Pilihan Individu (Bayaran Takaful dari Anggota)			
7.	ASB	Mengikut Simpanan Simati Simpanan Bawah RM1,000.00 – Sumbangan Khairat RM200.00 Simpanan RM1,000.00 & ke atas - Sumbangan Khairat RM500.00			

ULASAN LEMBAGA

5. Bagi tempoh 2010 hingga 2023, jumlah sumbangan bantuan khairat kematian adalah sebanyak RM47.60 juta dengan purata RM3.40 juta setahun.
6. Sehingga 31 Disember 2024 jumlah sumbangan khairat kematian tertunggak melebihi RM1.0 juta melibatkan 1,510 permohonan. Walau bagaimanapun jumlah tersebut diproses dan dibayar berperingkat-peringkat mengikut kecukupan aliran tunai semasa.
7. Adalah dicadangkan supaya sumbangan bantuan khairat kematian hanya dikekalkan kepada anggota sahaja dan tidak kepada tanggungan iaitu isteri dan anak-anak.

SYOR

8. Lembaga mencadangkan pindaan dibuat ke atas Aturan Khairat Kematian dengan terma dan syarat utama seperti berikut:
- (a) sumbangan bantuan khairat kematian dibayar pada kadar RM1,000.00 bagi kematian anggota sahaja;
 - (b) jumlah syer minima yang dimiliki adalah sebanyak RM1,000.00; dan
 - (c) terma dan syarat lain Aturan Khairat Kematian 2009 dikekalkan.
9. Aturan Khairat Kematian ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai 1 Ogos 2025. Maklumat aturan adalah seperti di **Lampiran 1**.
10. Agenda ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan perwakilan.

PINDAAN ATURAN KHAIRAT KEMATIAN (2009)

TAJUK

1. Aturan ini hendaklah dinamakan Aturan Khairat Kematian (2009) Pindaan.
2. Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang kecil (UUK) 86 koperasi ini dan dikuatkuasakan tertakluk kepada persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-44 dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Aturan ini telah diluluskan pada tahun 2009 di dalam MAPT Ke-28 dan ini adalah pindaan.

TAFSIRAN

3. Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - (a) “Aturan” ertinya Aturan Khairat Kematian (2009) Pindaan.
 - (b) “Anak” bermakna anak kandung yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman di bawah tanggungan anggota yang berumur di bawah 18 tahun.
 - (c) “Anggota” bermaksud anggota perseorangan yang telah didaftar sebagai anggota koperasi ini dan telah memiliki modal syer minimum pada tarikh kematian.
 - (d) “Bantuan” bermaksud kadar sumbangan khairat bagi urusan pengkebumian jenazah yang dibayar kepada waris yang layak.
 - (e) “Isteri” bermaksud isteri pertama di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai perkahwinan yang sah.
 - (f) “Keluarga” bermaksud isteri, suami dan anak anggota.
 - (g) “Koperasi” atau “koperasi ini” bermaksud Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad atau singkatannya KPF.
 - (h) “Pegawai” termasuk seorang Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Anggota-anggota Lembaga Koperasi serta orang yang diwakilkan kuasa di bawah Undang-Undang untuk memberi perintah mengenai perjalanan Tabung Kumpulan Wang Khairat Kematian ini.
 - (i) “Peraturan-Peraturan” bermaksud peraturan-peraturan yang dibuat oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Kumpulan Wang Khairat Kematian ini.
 - (j) “Tabung Kumpulan Wang Khairat Kematian” bermaksud tabung bantuan khairat kematian anggota.
 - (k) “Suami” bermaksud suami di bawah mana-mana undang-undang bertulis, agama, adat atau kelaziman yang mana perkahwinannya diiktiraf di Malaysia sebagai perkahwinan yang sah.
 - (l) “Waris” bermaksud waris terdekat yang disebut dalam peraturan ini yang akan menerima bayaran bantuan Tabung Kumpulan Wang Khairat Kematian ini.

TUJUAN

4. Tujuan pindaan aturan ini ialah untuk memberi sumbangan khairat di atas kematian anggota yang layak mengikut tafsiran di bawah peruntukan Kumpulan Wang Khairat Kematian (KWKK) ini sahaja dan bukan lagi kepada ahli keluarga.

SUMBER KEWANGAN

5. Sumber kewangan bagi melaksanakan Kumpulan Wang ini diperoleh dari:
- (a) peruntukan daripada keuntungan bersih Koperasi ini yang diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan menurut perenggan (d) fasal (2) UUK 67 Koperasi ini berdasarkan Garis Panduan 23: Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 (GP23) SKM; dan
 - (b) pulangan daripada pelaburan wang KWKK ini.

PENTADBIRAN

6. KWKK ini hendaklah ditadbirkan oleh Lembaga dan pegawai yang diberi kuasa.

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MENERIMA BANTUAN

7. Kelayakan untuk menerima bantuan sumbangan KWKK ini ialah seperti berikut:
- (a) Seseorang anggota telah menjelaskan modal syer bernilai RM1,000.
 - (b) Sekiranya kedua-dua suami dan isteri adalah anggota dan mendapat musibah di waktu yang sama, waris terdekat sahaja yang layak membuat tuntutan bantuan khairat kematian mereka.
 - (c) Kadar bantuan yang diberikan oleh KWKK untuk kematian anggota adalah sebanyak RM1,000
 - (d) Bayaran akan dijelaskan dengan pindahan ke akaun waris terdekat seperti berikut:
 - i) jika bujang - kepada ibu atau bapa;
 - ii) jika berkahwin - kepada isteri atau suami;
 - (iii) jika duda - kepada salah seorang anak yang telah berumur 18 tahun ke atas. Jika tiada mempunyai anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan;
 - (iv) jika balu - kepada salah seorang anak yang telah berusia 18 tahun ke atas. Jika tiada mempunyai anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang difikirkan layak menerima yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan; dan
 - v) jika seseorang anggota itu tiada mempunyai keluarga seperti yang tersebut di atas, maka bantuan khairat kematian tersebut akan diberikan kepada sesiapa yang difikirkan layak menerimanya yang telah menguruskan pengkebumian jenazah anggota berkaitan.

- (e) Untuk membuat tuntutan pembayaran, anggota atau keluarga anggota atau waris hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:
- i) dua (2) salinan sijil kematian anggota itu atau ahli keluarga (permit penguburan jika sijil kematian belum diperolehi) yang disahkan oleh Ketua Polis Daerah atau Pegawai Perubatan atau Pengurus Rancangan atau majikan yang mana berkenaan;
 - ii) dua (2) salinan sijil pernikahan jika yang meninggal adalah pasangan anggota dan disahkan oleh Pengurus Rancangan atau majikan yang mana berkenaan;
 - iii) dua (2) salinan kad pengenalan waris yang dikenalpasti layak menerima dan disahkan oleh Pengurus Rancangan atau majikan yang mana berkenaan; dan
 - iv) alamat terkini waris dan akaun bank.

PERTIKAIAN

8. Jika berbangkit sebarang perselisihan faham tentang tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada SKM mengikut UUK 82 koperasi ini.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

9. Aturan ini boleh dari semasa ke semasa dikemas kini tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

10. Aturan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai 1 Ogos 2025.

MAPT KE-44